



UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

***KATA NASIHAT DAN PENGAJARAN DALAM ANTOLOGI GURINDAM
KARYA MAS ADEKI DARI SUDUT
PENGKAEDAHAN MELAYU***

ZUNAIDAH BINTI DAUD

FBMK 2014 73



**KATA NASIHAT DAN PENGAJARAN DALAM ANTOLOGI GURINDAM
KARYA MAS ADEKI DARI SUDUT
PENGAEDAHAN MELAYU**

Oleh

ZUNAIDAH BINTI DAUD

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah Master Sastera**

Ogos 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hakcipta © Universiti Putra Malaysia



Absrtak ini yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**KATA NASIHAT DAN PENGAJARAN DALAM ANTOLOGI GURINDAM
KARYA MAS ADEKI DARI SUDUT
PENGAEDAHAN MELAYU**

Oleh

ZUNAIDAH BINTI DAUD

Ogos 2014

Pengerusi : Prof. MadyaHajahSamsinaBintiAbd. Rahman, Ph.D

Fakulti : BahasaModendanKomunikasi

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis kata nasihat dan pengajaran dalam antologi gurindam Mas Adeki. Gurindam yang dikaji terdiri daripada dua antologi iaitu *Seuntai Kasih Secebis Harapan*, terbit dalam tahun 2005, sebanyak 40 tajuk dan *Lautan Kasih Berpantai Sayang*, terbit dalam tahun 2009 sebanyak 37 tajuk. Jumlah semua adalah sebanyak 77 tajuk, namun hanya 53 tajuk yang dominan dianalisis. Pengkaji akan analisis dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 iaitu merangkumi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaji menggunakan kesemua Pendekatan Alamiah iaitu Pendekatan Moral, Pendekatan Gunaan serta Pendekatan Firasat dan tiga pendekatan dikemukakan dalam Pengkaedahan Keagamaan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Pernyataan masalah jelas menunjukkan bahawa manusia memerlukan kata nasihat dan pengajaran dalam menjalani kehidupan seharian mereka, terdapat segelintir khalayak masyarakat yang lalai dalam mengingati Allah SWT, leka dengan keseronokan dunia. Bermula dari gejala inilah pengkarya menerapkan kata nasihat dan pengajaran melalui gurindam untuk menyedarkan golongan tersebut. Objektif kajian adalah mengenalpasti kata nasihat dan pengajaran yang terdapat dalam kedua-dua antologi gurindam karya Mas Adeki, kedua menganalisis kata nasihat dan pengajaran dari sudut teori Pengkaedahan Melayu. Dapatan kajian terhadap gurindam ini menunjukkan penemuan kata nasihat dan pengajaran dari empat aspek iaitu pertama kata nasihat dan pengajaran dari aspek pendidikan, kedua dari aspek keagamaan, ketiga dari aspek pekerjaan / kerjaya dan yang keempat dari aspek kemasyarakatan. Kata nasihat dan pengajaran yang diutarakan oleh Mas Adeki dalam gurindamnya bertepatan dengan teori Pengkaedahan Melayu. Namun begitu aspek keagamaan lebih relevan ditemui dalam antologi gurindam beliau.

**THE WORD ADVICE AND MESSAGE IN ANTHOLOGY GURINDAM
OF WORK MAS ADEKI'S FROM THE
'PENGKAEDAHAN MELAYU' OF VIEW**

By

ZUNAIDAH BINTI DAUD

August 2014

Supervisor : Associate Professor Hajah Samsina Hj. AbdRahman, PhD

Faculty : Modern Language and Communication

This study was conducted to analyze the advice and instruction in the anthology couplets Mas Adeki routes. Couplet studied consisted of two anthologies of strand piece Love Hope, published in 2005, a total of 40 titles and Lautan Kasih Berpantai Sayang, published in 2009 a total of 37 titles. Total of all titles is 77, but only 53 titles analyzed dominant. Researchers will analyze the theory of Malay Methodology founded by Hashim Awang in 1989 which covers Methodology and Methodology Religious Naturally. Researchers use all approach Naturally, namely Moral Approach, Approach and Approach Applied Premonition and three approaches presented in the Methodology of Religious Missionary Approach, Approach Social and Cultural Approach. Problem statement clearly shows that people need words of advice and teaching in their daily lives, there are a handful of the public who are negligent in the remembrance of Allah SWT, preoccupied with the pleasures of the world. Starting from these symptoms apply artist lecture and teaching through couplets to sensitize these groups. Objective is to identify words of advice and lessons available in both paper couplets anthology Mas Adeki routes, both analyze the advice and teaching of theoretical Malay Methodology. The findings of this couplet shows discovery words of advice and teaching from four aspects, namely, the first word of advice and teaching of aspects of education, both from the religious aspect, the third aspect of the job/ career and fourth of the community aspects. Word of advice and teaching expressed by Mas Adeki routes in Batam Indonesia coincides with the theory Methodology. Nevertheless more relevant religious aspect is found in his anthology couplets.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Penyayang, selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhaamad SAW. Syukur kepada Allah SWT dengan keizinan-Nya dapat saya menyempurnakan kajian ini serta mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak.

Pertamanya ingin saya mengucapkan ribuan penghargaan dan berbanyak-banyak terima kasih kepada penyelia tesis ini, Ybhg. Prof. Madya Dr. Hajah Samsina Binti Hj. Abd. Rahman atas kesabaran, keikhlasan, tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar dan buah fikiran yang membina serta memudik pelayaran dalam mencari secangkir ilmu. Segalanya tidak terbanding nilainya dan hanya Allah jua yang dapat memberi keberkatan, ketenangan dan kesihatan berpanjangan agar terus berbakti dalam perjuangannya membimbing anak bangsa menimba ilmu pengetahuan.

Seterusnya penghargaan dan terima kasih jua diucapkan kepada ahli jawatankuasa penyelia iaitu Dr. Kamariah Kamarudin yang memberi pandangan dan tunjuk ajar yang membina. Ribuan terima kasih juga kepada pengkarya antologi gurindam yang dihormati Tuan Haji Mohd Sidek bin Dollah (Mas Adeki) yang mengizinkan saya mengkaji antologi gurindam beliau.

Teristimewa buat ayahanda yang dikashi Daud bin Petah dan bonda tercinta Minah binti Ibrahim, tidak pernah putus untuk mengutuskan doa kepada Illahi agar anakandanya mendapat keberkatan ilmu yang diperolehi. Sejambak bunga kasih buat anakanda tersayang Che Muhammad Irfan Zikri bin Che Sabudin yang sentiasa memahami dan mengerti, juga kepada adik beradik yang tercinta iaitu Zulkiflee bin Daud, Zurina bt Daud, Zuraida bt Daud, Zuriani bt Daud dan adik bongsu yang dikashi Mohd Hafiz bin Daud yang sentiasa memberi sokongan yang membina.

Tidak lupa ucapan ribuan terima kasih kepada sahabat sejati Puan Mashitah bt Mezelan yang tidak jemu berkongsi idea dan pendapat serta mengharungi pelbagai liku dan rintangan dengan sabar dan tabah, serta kepada rakan taulan yang dikasihi. Akhir kata, semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang mencintai ilmu dan semoga diberkati Allah SWT.

ZUNAIDAH BINTI DAUD
LOT 1500 A, KAMPUNG BERIS GAJAH MATI
TAWANG, 16320 BACHOK
KELANTAN.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera . Ahli jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Samsina Abd. Rahman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT , PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

PERAKUAN

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa :

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh _____

Nama dan No. Matrik : Zunaidah Binti Daud (GS 19593)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan :

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah dibawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Hajah Samsina Binti Abd. Rahman.

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Dr. Kamariah Binti Kamarudin.

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	viii
SENARAI KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii

BAB

I PENDAHULUAN	
Pengenalan	1 – 4
Pernyataan Masalah	4 – 6
Objektif Kajian	6
Kepentingan Kajian	6 – 8
Kaedah Kajian	9
Batasan Kajian	9 – 10
Definasi Operasional	10
Nasihat	10 – 11
Pengajaran	12
Gurindam	12 – 15
Pengkaedahan Melayu	15
2 SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	16
Kajian tentang Gurindak Karya Mas Adeki	17 – 18
Kajian yang Mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu	18 – 33
Rumusan	34

3	METODOLOGI	
	Pengenalan	35
	Kaedah Kepustakaan	35
	Kaedah Analisis Teks atau Kandungan	35
	Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu	36
	Teori Pengkaedahan Melayu	37
	Pengkaedahan Alamiah	37
	Pendekatan Gunaan	38
	Pendekatan Moral	38 – 39
	Pendekatan Firasat	39 – 40
	Pengkaedahan Keagamaan	41
	Pendekatan Dakwah	41
	Pendekatan Kemasyarakatan	42
	Pendekatan Seni	43 – 44
	Justifikasi Pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu	44
	Rumusan	44
	Kerangka Kajian	45
4	ANALISIS KATA NASIHAT DAN PENGAJARAN DALAM ANTOLOGI GURINDAM KARYA MAS ADEKI DARI SUDUT PENKAEDAHAN MELAYU	
	Pengenalan	46
	Kata nasihat dan pengajaran dalam aspek pendidikan	47 – 56
	Kata nasihat dan pengajaran dalam aspek keagamaan	56 – 83
	Kata nasihat dan pengajaran dalam aspek pekerjaan / kerjaya	84 – 98
	Kata nasihat dan pengajaran dalam aspek kemasyarakatan	98 – 115
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	118 – 123
	Kesimpulan	118 – 123
	Cadangan	124
	BIBLIOGRAFI	125 – 130
	BIODATA PELAJARA DAN PENGGKARYA	131 - 132



SENARAI RAJAH

RAJAH		Halaman
1	Pengkaedahan dalam Teori Pengkaedahan Melayu	36
2	Kerangka Kajian	45



SENARAI JADUAL

JADUAL	Halaman
1a Gurindam-gurindam yang mencitrakan nasihat dan pengajaran dalam aspek pendidikan	47
1b Gurindam-gurindam yang dianalisis berhubung kata nasihat dan pengajaran dalam aspek pendidikan	48
2a Gurindam-gurindam yang mencitrakan nasihat dan pengajaran dalam aspek keagamaan	56 – 57
2b Gurindam-gurindam yang dianalisis berhubung kata nasihat dan pengajaran dalam aspek keagamaan	57 – 58
3a Gurindam-gurindam yang mencitrakan nasihat dan pengajaran dalam aspek pekerjaan / kerjaya	84
3b Gurindam-gurindam yang dianalisis berhubung kata nasihat dan pengajaran dalam aspek pekerjaan / kerjaya	85
4a Gurindam-gurindam yang mencitrakan nasihat dan pengajaran dalam aspek kemasyarakatan	99
4b Gurindam-gurindam yang dianalisis berhubung kata nasihat dan pengajaran dalam aspek kemasyarakatan	100



**KATA NASIHAT DAN PENGAJARAN DALAM ANTOLOGI GURINDAM
KARYA MAS ADEKI DARI SUDUT
PENGAEDAHAN MELAYU**

Oleh

ZUNAIDAH BINTI DAUD

**Tesis Ini Dikemukakan Kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra
Malaysia, Sebagai Memenuhi Keperluan Ijazah Master Sastera**

Ogos 2014

HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hakcipta © Universiti Putra Malaysia



Absrtak ini yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**KATA NASIHAT DAN PENGAJARAN DALAM ANTOLOGI GURINDAM
KARYA MAS ADEKI DARI SUDUT
PENGKAEDAHAN MELAYU**

Oleh

ZUNAIDAH BINTI DAUD

Ogos 2014

Pengerusi : Prof. MadyaHajahSamsinaBintiAbd. Rahman, Ph.D

Fakulti : BahasaModendanKomunikasi

Kajian ini dilakukan untuk menganalisis kata nasihat dan pengajaran dalam antologi gurindam Mas Adeki. Gurindam yang dikaji terdiri daripada dua antologi iaitu *Seuntai Kasih Secebis Harapan*, terbit dalam tahun 2005, sebanyak 40 tajuk dan *Lautan Kasih Berpantai Sayang*, terbit dalam tahun 2009 sebanyak 37 tajuk. Jumlah semua adalah sebanyak 77 tajuk, namun hanya 53 tajuk yang dominan dianalisis. Pengkaji akan analisis dengan menggunakan Teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang pada tahun 1989 iaitu merangkumi Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Pengkaji menggunakan kesemua Pendekatan Alamiah iaitu Pendekatan Moral, Pendekatan Gunaan serta Pendekatan Firasat dan tiga pendekatan dikemukakan dalam Pengkaedahan Keagamaan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Pernyataan masalah jelas menunjukkan bahawa manusia memerlukan kata nasihat dan pengajaran dalam menjalani kehidupan seharian mereka, terdapat segelintir khalayak masyarakat yang lalai dalam mengingati Allah SWT, leka dengan keseronokan dunia. Bermula dari gejala inilah pengkarya menerapkan kata nasihat dan pengajaran melalui gurindam untuk menyedarkan golongan tersebut. Objektif kajian adalah mengenalpasti kata nasihat dan pengajaran yang terdapat dalam kedua-dua antologi gurindam karya Mas Adeki, kedua menganalisis kata nasihat dan pengajaran dari sudut teori Pengkaedahan Melayu. Dapatan kajian terhadap gurindam ini menunjukkan penemuan kata nasihat dan pengajaran dari empat aspek iaitu pertama kata nasihat dan pengajaran dari aspek pendidikan, kedua dari aspek keagamaan, ketiga dari aspek pekerjaan / kerjaya dan yang keempat dari aspek kemasyarakatan. Kata nasihat dan pengajaran yang diutarakan oleh Mas Adeki dalam gurindamnya bertepatan dengan teori Pengkaedahan Melayu. Namun begitu aspek keagamaan lebih relevan ditemui dalam antologi gurindam beliau.

**THE WORD ADVICE AND MESSAGE IN ANTHOLOGY GURINDAM
OF WORK MAS ADEKI'S FROM THE
'PENGKAEDAHAN MELAYU' OF VIEW**

By

ZUNAIDAH BINTI DAUD

August 2014

Supervisor : Associate Professor Hajah Samsina Hj. AbdRahman, PhD

Faculty : Modern Language and Communication

This study was conducted to analyze the advice and instruction in the anthology couplets Mas Adeki routes. Couplet studied consisted of two anthologies of strand piece Love Hope, published in 2005, a total of 40 titles and Lautan Kasih Berpantai Sayang, published in 2009 a total of 37 titles. Total of all titles is 77, but only 53 titles analyzed dominant. Researchers will analyze the theory of Malay Methodology founded by Hashim Awang in 1989 which covers Methodology and Methodology Religious Naturally. Researchers use all approach Naturally, namely Moral Approach, Approach and Approach Applied Premonition and three approaches presented in the Methodology of Religious Missionary Approach, Approach Social and Cultural Approach. Problem statement clearly shows that people need words of advice and teaching in their daily lives, there are a handful of the public who are negligent in the remembrance of Allah SWT, preoccupied with the pleasures of the world. Starting from these symptoms apply artist lecture and teaching through couplets to sensitize these groups. Objective is to identify words of advice and lessons available in both paper couplets anthology Mas Adeki routes, both analyze the advice and teaching of theoretical Malay Methodology. The findings of this couplet shows discovery words of advice and teaching from four aspects, namely, the first word of advice and teaching of aspects of education, both from the religious aspect, the third aspect of the job/ career and fourth of the community aspects. Word of advice and teaching expressed by Mas Adeki routes in Batam Indonesia coincides with the theory Methodology. Nevertheless more relevant religious aspect is found in his anthology couplets.

PENGHARGAAN

Dengan nama Allah Yang Maha Pemurah lagi Penyayang, selawat ke atas junjungan besar Nabi Muhaamad SAW. Syukur kepada Allah SWT dengan keizinan-Nya dapat saya menyempurnakan kajian ini serta mendapat sokongan dan kerjasama daripada pelbagai pihak.

Pertamanya ingin saya mengucapkan ribuan penghargaan dan sebanyak-banyak terima kasih kepada penyelia tesis ini, Ybhg. Prof. Madya Dr. Hajah Samsina Binti Hj. Abd. Rahman atas kesabaran, keikhlasan, tidak jemu-jemu memberi tunjuk ajar dan buah fikiran yang membina serta memudik pelayaran dalam mencari secangkir ilmu. Segalanya tidak terbanding nilainya dan hanya Allah jua yang dapat memberi keberkatan, ketenangan dan kesihatan berpanjangan agar terus berbakti dalam perjuangannya membimbing anak bangsa menimba ilmu pengetahuan.

Seterusnya penghargaan dan terima kasih jua diucapkan kepada ahli jawatankuasa penyelia iaitu Dr. Kamariah Kamarudin yang memberi pandangan dan tunjuk ajar yang membina. Ribuan terima kasih juga kepada pengkarya antologi gurindam yang dihormati Tuan Haji Mohd Sidek bin Dollah (Mas Adeki) yang mengizinkan saya mengkaji antologi gurindam beliau.

Teristimewa buat ayahanda yang dikashi Daud bin Petah dan bonda tercinta Minah binti Ibrahim, tidak pernah putus untuk mengutuskan doa kepada Illahi agar anakandanya mendapat keberkatan ilmu yang diperolehi. Sejambak bunga kasih buat anakanda tersayang Che Muhammad Irfan Zikri bin Che Sabudin yang sentiasa memahami dan mengerti, juga kepada adik beradik yang tercinta iaitu Zulkiflee bin Daud, Zurina bt Daud, Zuraida bt Daud, Zuriani bt Daud dan adik bongsu yang dikashi Mohd Hafiz bin Daud yang sentiasa memberi sokongan yang membina.

Tidak lupa ucapan ribuan terima kasih kepada sahabat sejati Puan Mashitah bt Mezelan yang tidak jemu berkongsi idea dan pendapat serta mengharungi pelbagai liku dan rintangan dengan sabar dan tabah, serta kepada rakan taulan yang dikasihi. Akhir kata, semoga kajian ini dapat memberi manfaat kepada sesiapa sahaja yang mencintai ilmu dan semoga diberkati Allah SWT.

ZUNAIDAH BINTI DAUD
LOT 1500 A, KAMPUNG BERIS GAJAH MATI
TAWANG, 16320 BACHOK
KELANTAN.



Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sastera . Ahli jawatankuasa Penyelesaian adalah seperti berikut:

Samsina Abd. Rahman, PhD

Profesor Madya
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Pengerusi)

Kamariah binti Kamarudin, PhD

Pensyarah Kanan
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
Universiti Putra Malaysia
(Ahli)

BUJANG BIN KIM HUAT , PhD

Profesor dan Dekan
Sekolah Pengajian
Siswazah
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

PERAKUAN

Perakuan Pelajar Siswazah

Saya memperakui bahawa :

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/ fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan: _____ Tarikh _____

Nama dan No. Matrik : Zunaidah Binti Daud (GS 19593)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan :

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- Penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah dibawah seliaan kami;
- Tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : _____

Nama Pengerusi

Jawatankuasa Penyeliaan : Prof. Madya Dr. Hajah Samsina Binti Abd. Rahman.

Tandatangan : _____

Nama Ahli

Jawatankuasa Penyeliaan : Dr. Kamariah Binti Kamarudin.

KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	v
PERAKUAN	viii
SENARAI KANDUNGAN	ix
SENARAI RAJAH	xi
SENARAI JADUAL	xii
BAB	
I PENDAHULUAN	
Pengenalan	1 – 4
Pernyataan Masalah	4 – 6
Objektif Kajian	6
Kepentingan Kajian	6 – 8
Kaedah Kajian	9
Batasan Kajian	9 – 10
Definasi Operasional	10
Nasihat	10 – 11
Pengajaran	12
Gurindam	12 – 15
Pengkaedahan Melayu	15
2 SOROTAN LITERATUR	
Pengenalan	16
Kajian tentang Gurindak Karya Mas Adeki	17 – 18
Kajian yang Mengaplikasikan Teori Pengkaedahan Melayu	18 – 33
Rumusan	34

3	METODOLOGI	
	Pengenalan	35
	Kaedah Kepustakaan	35
	Kaedah Analisis Teks atau Kandungan	35
	Pengaplikasian Teori Pengkaedahan Melayu	36
	Teori Pengkaedahan Melayu	37
	Pengkaedahan Alamiah	37
	Pendekatan Gunaan	38
	Pendekatan Moral	38 – 39
	Pendekatan Firasat	39 – 40
	Pengkaedahan Keagamaan	41
	Pendekatan Dakwah	41
	Pendekatan Kemasyarakatan	42
	Pendekatan Seni	43 – 44
	Justifikasi Pemilihan Teori Pengkaedahan Melayu	44
	Rumusan	44
	Kerangka Kajian	45
4	ANALISIS KATA NASIHAT DAN PENGAJARAN DALAM ANTOLOGI GURINDAM KARYA MAS ADEKI DARI SUDUT PENKAEDAHAN MELAYU	
	Pengenalan	46
	Kata nasihat dan pengajaran dalam aspek pendidikan	47 – 56
	Kata nasihat dan pengajaran dalam aspek keagamaan	56 – 83
	Kata nasihat dan pengajaran dalam aspek pekerjaan / kerjaya	84 – 98
	Kata nasihat dan pengajaran dalam aspek kemasyarakatan	98 – 115
5	KESIMPULAN DAN CADANGAN	118 – 123
	Kesimpulan	118 – 123
	Cadangan	124
	BIBLIOGRAFI	125 – 130
	BIODATA PELAJARA DAN PENGGKARYA	131 - 132



SENARAI RAJAH

RAJAH		Halaman
1	Pengkaedahan dalam Teori Pengkaedahan Melayu	36
2	Kerangka Kajian	45



SENARAI JADUAL

JADUAL`	Halaman
1a Gurindam-gurindam yang mencitrakan nasihat dan pengajaran dalam aspek pendidikan	47
1b Gurindam-gurindam yang dianalisis berhubung kata nasihat dan pengajaran dalam aspek pendidikan	48
2a Gurindam-gurindam yang mencitrakan nasihat dan pengajaran dalam aspek keagamaan	56 – 57
2b Gurindam-gurindam yang dianalisis berhubung kata nasihat dan pengajaran dalam aspek keagamaan	57 – 58
3a Gurindam-gurindam yang mencitrakan nasihat dan pengajaran dalam aspek pekerjaan / kerjaya	84
3b Gurindam-gurindam yang dianalisis berhubung kata nasihat dan pengajaran dalam aspek pekerjaan / kerjaya	85
4a Gurindam-gurindam yang mencitrakan nasihat dan pengajaran dalam aspek kemasyarakatan	99
4b Gurindam-gurindam yang dianalisis berhubung kata nasihat dan pengajaran dalam aspek kemasyarakatan	100

PENDAHULUAN

Pengenalan

Kesusasteraan Melayu tradisional telah menghasilkan beberapa jenis puisi yang dikenal pasti hidup dalam tradisi lisan sebagai hasil kesusasteraan rakyat. Menurut Harun Mat Piah (1989:316), terdapat 12 jenis puisi Melayu tradisional iaitu terdiri daripada pantun, syair, nazam, seloka, teka-teki, peribahasa berangkap, tromba, Taliban, prosa berirama, mentera, dzikir dan gurindam.

Melalui puisi Melayu lama bernama 'gurindam' terungkap pelbagai kata nasihat, dan pengajaran, bahan rujukan, gaya bahasa yang puitis dan boleh menjadi sumber motivasi dan muhasabah diri, dihasilkan untuk pelbagai golongan masyarakat sama ada bakal guru, para pelajar, golongan remaja, ibu bapa dan kepada sesiapa sahaja yang meminati gurindam. Ini kerana, gurindam sebagai warisan puisi lama yang hampir terpinggir daripada kancah kehidupan masyarakat Melayu moden hari ini.

Walaupun ada pendapat yang mengatakan bahawa istilah gurindam berasal daripada bahasa Sanskrit dan masuk ke bahasa Melayu menerusi bahasa tamil, tetapi pengisiannya tidak menurut puisi Sanskrit atau Tamil (Za'ba: 1965). Ia merupakan pinjaman dari segi istilah sahaja.

Puisi jenis gurindam dirujuk kepada "Gurindam Dua Belas" karya Raja Ali Haji. Meskipun terdapat unsur bebas dalam gurindam berkenaan, seperti tidak ditentukan jumlah perkataan bagi setiap baris, tetapi unsur-unsur terikatnya lebih banyak. Gurindam adalah puisi dua-dua baris, rima akhir bagi dua baris adalah sama dan tiada had bagi jumlah keseluruhan barisnya. Dalam setiap dua baris itu terdapat timbal antara baris pertama dan baris kedua. Dalam gurindam juga kadang-kadang terdapat ciri puisi seperti asonansi, aliterasi, dan gaya bahasa tertentu. Sesebuah gurindam sarat dengan tema dan perutusan yang bersifat nasihat, keagamaan, dan pengajaran. Contohnya:

Gurindam Fasal 12 yang Kesembilan

Adapun orang tua yang hemat,
Syaitan tak suka membuat sahabat.

Jika orang muda tamat berguru,
Dengan syaitan jadi berseteru.

Cahari olehmu akan guru,
Yang boleh tahukan setiap seteru.
(Harun Aminurrashid, 1960 : 91)

Gurindam Dua Belas sudah sinonim dengan Raja Ali Haji. Jika gurindam yang bersifat umum kandungannya biasanya bersifat alamiah. Tetapi gurindam yang digubah oleh Raja Ali Haji padat dengan nilai-nilai keislaman dan menjadi contoh puisi Melayu yang bernilai Islam. Kandungan gurindam Raja Ali Haji mencerminkan keilmuan dan tahap pendidikannya, terutama keilmuan yang mempunyai hubungkait antara satu sama lain iaitu akidah, syariat dan akhlak. Antara contoh, diperturunkan petikan gurindam Raja Ali Haji yang menjelaskan elemen yang disebutkan itu.

i. Gurindam Fasal Yang Pertama.

*Barang siapa tiada memegang agama
sesekali tiada boleh dibilangkan nama.
Barang siapa mengenal yang empat
maka itulah orang yang makrifat.
Barang siapa mengenal Allah
suruh dan tegahnya tiada yang menyalah.
Barang siapa mengenal diri
maka telah mengenal akan Tuhan yang bahri.
Barang siapa mengenal dunia
tahulah ia barang yang terpedaya.
Barang siapa mengenal akhirat
tahulah ia dunia mudarat.*
(Abu Hassan Sham, 1993:278)

ii. Gurindam Fasal Yang Kedua.

*Barang siapa mengenal yang tersebut
tahulah ia makna takut.
Barang siapa meninggalkan sembahyang
seperti rumah tiada bertiang.
Barang siapa meninggalkan puasa
tidaklah mendapat dua termasya.
Barang siapa meninggalkan zakat
tiadalah hartanya beroleh berkat.
Barang siapa meninggalkan haji
tiadalah ia menyempurnakan janji.*
(Abu Hassan Sham, 1993:278)

Raja Ali Haji menggunakan genre sastera terutamanya gurindam sebagai satu wadah untuk menyampaikan dakwah dan pengajaran. Kandungannya yang menarik, indah dan mempunyai daya estetik yang boleh mempengaruhi khalayak pembaca ke arah yang

lebih baik akhlak dan pergaulan. Sungguhpun Raja Ali Haji banyak mengarang puisi yang lain, tetapi *Gurindam Dua Belas* paling dikenali dan bermutu, lantas *Gurindam Dua Belas* paling identik dengan Raja Ali Haji.

Walaupun demikian, gurindam masih sesuai digunakan dalam masyarakat Melayu dan lebih memberi kesan dan pengajaran kepada masyarakat Melayu dalam menegur serta menasihati dan bertindak secara tidak terus sebaliknya dengan cara sindiran dan kiasan. Sesuai dengan cara sedemikian rupa, gurindam adalah medium yang tepat dan akan lebih bermakna jika dijadikan lebih inovatif dan pelbagai.

Gurindam bukan hanya sekadar menghiburkan, tetapi ia sarat dengan kata nasihat dan pengajaran. Dapat dinyatakan bahawa penyair yang melahirkan gurindam mencitrakan pengalaman diri penyair. Oleh hal yang demikian, gurindam yang dihasilkan mempunyai unsur-unsur kata nasihat dan pengajaran yang ingin ditunjukkan kepada khalayak pembaca dan masyarakat.

Kata nasihat dan pengajaran dalam gurindam Mas Adeki disasarkan kepada golongan-golongan seperti golongan pelajar, guru, penjawat awam, ibu bapa dan masyarakat umum. Kata nasihat dan pengajaran yang digarapkan oleh Mas Adeki dalam gurindam tersebut adalah kerana memandangkan keadaan ini turut mempengaruhi generasi muda zaman sekarang. Mata pelajaran sastera di sekolah turut terkena tempas dan menyebabkan pelajar zaman sekarang tidak meminati bidang sastera. Tanggapan negatif tersebut telah mempengaruhi pelajar pada masa sekarang dan kebanyakan sekolah menutup pengajaran mata pelajaran sastera di sekolah disebabkan pelajar kurang mengambil perhatian terhadap mata pelajaran tersebut atau mungkin pihak sekolah atau pengetua yang tidak menawarkan mata pelajaran tersebut.

Manusia memerlukan kata nasihat dan pengajaran dalam kehidupan, gurindam berfungsi dan berperanan dalam memberi kata nasihat dan pesanan-pesanan yang baik kepada masyarakat, melalui pengalaman, penelitian, pengamatan dan pergaulan dengan pelbagai lapisan masyarakat telah banyak memberi ilham dan inspirasi kepada Mas Adeki untuk menterjemahkan semua yang dialami dan dirasai melalui gurindam.

Kata nasihat dan pengajaran yang terkandung dalam kedua-dua antologi 'gurindam' yang mana boleh memberi impak yang besar dalam kehidupan manusia. Ini memaparkan kreativiti masyarakat Melayu dalam menyampaikan mesej nasihat dan pengajaran. Gurindam yang menjadi tumpuan para pengkaji yang terdahulu ialah "Gurindam Dua Belas" karya Raja Ali Haji, yang mana gurindam beliau sarat dengan kata nasihat dan pengajaran serta untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat, Raja Ali Haji juga menyeru umat manusia agar mengerjakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya, sebagai seorang Muslim yang bertanggungjawab dan bertakwa sentiasa memanfaatkan usianya dengan perkara-perkara yang berfaedah dan secara tersirat pentingnya memanfaatkan masa yang ada (umur) untuk menghimpun bekalan untuk hari kemudian. Hanya orang yang berakal dapat mengetahui akan kebenaran hakikat ini. Raja Ali Haji dalam "Gurindam Dua Belas" (fasal 5) ada menyebut perkara ini:

Jika hendak mengenal orang yang berakal
di dalam dunia mengambil bekal
(Harun Aminurrashid, 1960 : 88)

Rumusannya, kesusasteraan memperlihatkan kecenderungan pengungkapan pengalaman tentang hidup dan kehidupan, manusia dan kemanusiaan serta kebenaran dan kejujuran sebagai keindahan hidup yang bernilai dan bermakna. Di samping kesusasteraan mempunyai nilai-nilai kehalusan, perasaan, intuisi, harapan, emosi dan lain-lain unsur kejiwaan. Unsur kehalusan baik daripada sudut bentuk, isi dan maknanya merupakan sifat utama yang membezakan antara karya sastera dengan karya-karya bertulis lainnya yang barangkali bercorak deskriptif dan informatif semata-mata. Sifat ini berhubung rapat dengan sifat halus dan sensitiviti jiwa manusia. Justeru kajian puisi gurindam karya Mas Adeki ini cuba membuktikan peranan, fungsi dan manfaatnya kepada manusia dan kemanusiaan melalui segala kata nasihat, pesanan dan pengajaran yang ada di dalamnya. Tegasnya, kajian ini amat penting dan wajar dijalankan demi kebaikan dan kesejahteraan umat manusia khususnya untuk generasi kini dan akan datang.

Pernyataan Masalah

Kajian ini akan memfokuskan kepada gurindam sebagai genre sastera Melayu lama yang penting untuk menyampaikan kata nasihat dan pengajaran kepada masyarakat Melayu agar dapat memberi manfaat dan keinsafan kepada pembaca jika dihayati sepenuhnya. Malah untuk tujuan tegur menegur dan nasihat menasihati antara satu sama lain dalam masyarakat Melayu. Gurindam karya Mas Adeki ini banyak mempunyai kata nasihat dan pengajaran, secara tidak langsung, khalayak pembaca boleh mengambil iktibar dan pengajaran dengan apa yang digarapkan oleh beliau. Kata nasihat dan pengajaran inilah yang merupakan keistimewaan gurindam karya Mas Adeki.

Daya kreatif yang ditunjukkan oleh penyair pada zaman dahulu adalah penting supaya ia tidak luput di telan dek zaman. Gurindam-gurindam yang dihasilkan oleh penulis tidak menggunakan bahasa yang tersurat tetapi disampaikan dengan menggunakan kata-kata yang mendalam iaitu tersirat dan terpulang kepada pembaca atau pendengar untuk mentafsir mesej yang ingin disampaikan. Dalam konteks ini, pengarang bermain dengan kata-kata dan imajinasinya sendiri.

Jelas sekali memberi nasihat, pesanan atau peringatan merupakan suruhan Allah kepada manusia dan memberi faedah kepada manusia khasnya orang-orang Mukmin atau Mukminah. Di sini Mas Adeki menegaskan bahawa sesama manusia hendaklah saling berpesan supaya menjunjung ajaran Allah yang benar dan saling berpesan supaya

bersikap sabar untuk melahirkan gambaran umat Islam atau kelompok Islam mempunyai identiti, ikatan dan tujuan perjuangan yang sama iaitu memimpin manusia ke jalan iman dan perbuatan baik atau amal soleh.

Justeru, sikap manusia yang lalai dan leka untuk mengingati Allah SWT kerana kealpaan serta keseronokan dunia, terdapat ada golongan yang menyalahgunakan kuasa demi kepentingan diri sendiri, pelbagai masalah dalam kehidupan manusia sama ada dilakukan dengan sengaja atau sebaliknya, bermula dari gejala inilah pengkarya menerapkan kata nasihat dan pengajaran melalui gurindam untuk menyedarkan golongan-golongan tersebut. Bukan saja gurindam karya Mas Adeki yang sarat dengan kata nasihat dan pengajaran, malah dari zaman dahulu lagi gurindam menjadi saluran untuk menegur dan saling nasihat menasihati dalam kalangan anggota masyarakat Melayu sebagaimana yang dikarang oleh Raja Ali Haji iaitu *Gurindam Dua Belas* yang sarat dengan nasihat dan pengajaran buat semua lapisan masyarakat. Ini memandangkan pentingnya nasihat dan pengajaran dalam menjalani kehidupan manusia seharian. Tanpa nasihat dan pengajaran manusia akan hanyut dan terus lalai daripada paksi sebenar tujuan Allah mencipta makhluk-Nya iaitu semata-mata untuk beribadat dan mengingatnya, melakukan amal maaruf serta menghindari daripada perkara-perkara mungkar.

Seterusnya, gurindam merupakan satu wadah atau saluran penting daripada dahulu hingga kini kerana melalui gurindam pengkarya dapat menerapkan kata nasihat dan pengajaran yang secara tidak langsung penerapan itu akan memberi kesan positif terhadap sesiapa yang membacanya. Gurindam juga mempunyai pertautan yang amat erat dengan nilai-nilai positif yang dapat memberi kesan terhadap pembentukan keperibadian bangsa, bahawa sesuatu hasil karya berisikan pengalaman dan fakta yang berteraskan kebijaksanaan dan kepintaran demi membimbing para khalayak sama ada pembaca atau pendengar untuk menjadi seorang yang bermoral, berakhlak mulia dan terdapat juga persoalan yang tersirat dalam gurindam Melayu. Antaranya adalah hal-hal yang membicarakan tentang kewujudan dan zat Allah (Rukun Iman), amal ibadat (rukun Islam) larangan memiliki sifat mazmumah hatta kepada perosalan-persoalan yang menyentuh tentang pergaulan, tanggung jawab anak terhadap ibu bapa, peranan ibu bapa, ciri-ciri pemimpin yang baik dan adil, kepentingan ilmu dan sebagainya.

Oleh itu, maka lahirlah pengkarya seperti Raja Ali Haji yang mana hasil karya gurindamnya sehingga masa kini masih diguna pakai oleh para pengkaji sastera dan di susuli pula oleh pengkarya gurindam iaitu Mas Adeki. Justeru, fokus kajian ini adalah untuk menganalisis kata nasihat dan pengajaran dari aspek pendidikan, keagamaan, pekerjaan dan kemasyarakatan sebagaimana dicitrakan dalam dua antologi gurindam karya Mas Adeki.

Tidak dapat disangkal kesungguhan beliau memaparkan pelbagai tema seperti kekeluargaan, interaksi sosial, pendidikan dan pembelajaran di samping gurindam yang berunsurkan patriotisme menekankan kepentingan nilai-nilai murni bersifat sejagat dan tempatan. Beliau menghasilkan dua buah Antologi gurindam yang pertama berjudul *Seuntai Kasih Secebis Harapan* pada tahun 2005, kemudian beliau pula menulis

Antologi gurindam yang kedua iaitu bertajuk *Lautan Kasih Berpantai Sayang* pada tahun 2009.

Melalui pengalaman, penelitian, pengamatan dan pergaulan beliau dengan pelbagai lapisan masyarakat telah banyak memberi ilham dan inspirasi kepadanya untuk menterjemahkan semua yang dialami dan dirasai melalui gurindam serta memberi panduan khususnya kepada generasi muda, para pelajar, remaja, bakal guru, guru dan kepada sesiapa sahaja yang berminat dengan gurindam akan dapat mengenali, menghayati dan mencintai puisi lama ini. Demikian secara ringkas pengkarya Mas Adeki dengan dua antologi gurindamnya yang akan dijadikan fokus dalam kajian ini.

Objektif Kajian

Objektif Kajian adalah seperti berikut :

1. Mengenalpasti kata nasihat dan pengajaran yang terdapat dalam kedua-dua antologi gurindam karya Mas Adeki.
2. Menganalisis kata nasihat dan pengajaran dalam antologi gurindam karya Mas Adeki dari sudut teori Pengkaedahan Melayu.

Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dijalankan mempunyai kepentingan yang tersendiri. Kajian yang dilakukan akan memberi kepentingan kepada banyak pihak seperti kepada pengkaji, pengkritik, sarjana, dunia pendidikan, bidang kesusasteraan dan juga negara. Kajian yang dilakukan terhadap antologi gurindam amat penting untuk mengambil kata nasihat dan pengajaran yang tajam khasnya kepada masyarakat yang mudah ditipu dan selalu menipu. Pengkaji boleh mengenal gurindam sebagai warisan budaya bangsa Melayu serta dapat memperbanyakkan kajian berkaitan gurindam yang mana semakin dipinggirkan oleh generasi kini yang lebih terdorong kepada teknologi maklumat dan media elektronik seperti televisyen dan filem.

Gurindam yang dikaji merupakan medan untuk menyampaikan kata nasihat dan mesej serta pengajaran yang berguna dan bertepatan dengan masyarakat Melayu. Selain dari itu, kajian ini boleh dijadikan bahan rujukan dan panduan yang dapat memberi manfaat kepada khalayak pembaca, pelajar, para pendidik, ibu bapa, penjawat awam dan masyarakat umum, malah dapat memperkenalkan Mas Adeki sebagai seorang pengkarya yang juga bekas guru dan sumbangannya dalam kesusasteraan Melayu khususnya puisi

Melayu lama (gurindam) yang termuat di dalamnya kata nasihat dan sarat dengan pengajaran serta dapat menjelaskan bahawa gurindam masih relevan di era moden ini untuk dianalisis dan dihayati ajaran-ajaran dan kata nasihatnya.

Selain itu, kajian ini penting untuk memartabatkan genre puisi Melayu tradisional yang semakin lama dilupakan dalam dunia sastera sebagai salah satu genre yang sangat penting. Hal ini kerana puisi Melayu tradisional iaitu gurindam juga berperanan dalam menyampaikan mesej kepada seseorang individu atau masyarakat. Melalui penggunaan bahasa yang mudah difahami ia dapat menarik perhatian para pembaca yang membaca tentang isi tersurat dan tersirat pada puisi gurindam tersebut. Dengan adanya kajian ini, ia akan dapat memantapkan perkembangan kesusasteraan Melayu pada masa kini dan akan datang.

Justeru, kajian ini penting dijalankan untuk membentuk keterampilan pelajar dan juga pembaca dalam menguasai unsur-unsur bahasa, kreativiti, dan persoalan yang dipilih. Sekaligus memberi nilai kebaikan dan pengajaran kepada pelajar untuk tidak melakukan perkara yang negatif dengan watak-watak yang telah digarapkan di dalam gurindam.

Gurindam yang dikaji memaparkan kata nasihat dan pengajaran yang ditujukan kepada golongan-golongan seperti guru, pelajar, penjawat awam, ibu bapa dan masyarakat umum. Peranan guru adalah penting dalam usaha memartabatkan gurindam sebagai warisan dan khazanah bangsa Melayu. Dalam era pendidikan sekarang, bidang sastera mula diketepikan oleh pelajar kerana ia susah untuk dipelajari. Dalam konteks ini, guru haruslah berperanan supaya mengubah persepsi pelajar terhadap mata pelajaran sastera di sekolah. Guru seharusnya mempelbagaikan teknik dalam pengajaran sastera di sekolah. Misalnya, berlakon, pertandingan deklamasi puisi dan mencipta puisi. Dengan adanya aktiviti ini di sekolah akan menarik minat para pelajar supaya mempelajari dan meminati mata pelajaran sastera.

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran gurindam pula, guru haruslah mempelbagaikan teknik tersebut. Guru hendaklah mengurangkan aktiviti memberi nota kepada pelajar. Ia harus digantikan dengan membuat aktiviti lakonan di dalam kelas. Misalnya, ketika mengajar gurindam, aktiviti nyanyian ini harus dilakukan oleh guru. Dengan cara ini, pelajar akan seronok iaitu belajar sambil bermain. Ilmu yang mereka pelajari pada hari tersebut akan mudah diingati dan dapat memberi manfaat kepada mereka.

Nasihat Mas Adeki ini selari dengan ajaran Islam yang meletakkan golongan guru atau ilmuan pada tahap yang tinggi. Firman Allah dalam surah al-Mujadalah, ayat 11 yang bermaksud:

“...Allah akan meninggikan orang-orang yang beriman di antaramu dan orang-orang yang diberi ilmu pengetahuan beberapa derajat. Dan Allah Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan.”

(Muhammad Hassan Al homsi, 2009 : 543)

Selain guru, pihak kerajaan juga harus memainkan peranan untuk memartabatkan bidang sastera agar dikenali di serata dunia. Promosi mengenai sastera khususnya gurindam harus diperluaskan agar masyarakat dapat mengetahui tentang genre tersebut. Misalnya, mengadakan bulan membaca puisi. Ia dilakukan di mana-mana tempat tidak kira kawasan kampung atau bandar asalkan perkara yang hendak disampaikan kepada masyarakat tercapai. Dengan adanya sokongan dari pihak kerajaan maka secara tidak langsung martabat sastera sebagai sebuah bidang yang mempunyai nilai komersial dapat diangkat. Kepada masyarakat umum, seni puisi juga harus diserapkan dalam majlis rasmi seperti hari ucapan, hari perhimpunan mingguan dan acara-acara yang lain agar aktiviti ini dapat dijadikan amalan dalam kehidupan masyarakat. Pertandingan seni berpuisi dalam pelbagai bentuk juga boleh dianjurkan oleh pihak sekolah. Masyarakat luar seperti ibu bapa harus memberi galakan kepada anak-anak mereka supaya bergiat aktif menyertai pertandingan tersebut. Dengan cara ini ia akan dapat memupuk minat pelajar dalam bidang sastera khususnya gurindam. Secara tidak langsung pembaca dapat memahami isi gurindam yang hendak disampaikan oleh pengarang. Cara untuk menikmati gurindam ialah pertama, sebagai pembaca dan pendengar harus membiarkan penyampai berbuat apa sahaja (merujuk perkara-perkara yang baik). Maknanya ialah pembaca atau pendengar harus turut mengarahkan fikirannya bersama-sama dengan penyampai. Dengan ini, pembaca dapat berdamping rapat dengan puisi dan akan dapat memahami isi gurindam yang disampaikan.

Kajian ini juga dapat memperkenalkan unsur-unsur nasihat dan pengajaran sekaligus mendidik dan menarik minat masyarakat dalam bidang sastera. Ini kerana, gurindam merupakan salah satu genre sastera yang semakin terpinggir. Hal ini disebabkan oleh masyarakat pada masa kini menganggap bahawa bidang sastera tiada nilai komersial jika dibandingkan dengan bidang-bidang yang lain.

Kehidupan masyarakat kini yang semakin didasari oleh kepesatan dunia sains dan teknologi menjadikan masyarakat semakin kurang untuk menggemari karya-karya sastera yang menjadi pemangkin dalam pembentukan sahsiah diri seseorang individu. Kemajuan dalam bidang teknologi telah menenggelamkan ingatan masyarakat tentang kepentingan dunia sastera terutamanya genre puisi tradisional yang mengandungi unsur-unsur nasihat yang boleh diambil nilai dan pengajarannya untuk pelbagai lapisan masyarakat.

Melalui penggunaan pendekatan Pengkaedahan Melayu, kajian ini juga diharapkan akan dapat memperlihatkan hubungan pemuisi dengan dunia nyata sekali gus dapat menjelaskan tujuan, pengalaman dan pemikiran penyair. Akhirnya, dalam kajian ini juga iaitu melalui kata nasihat dan pengajaran yang digarapkan oleh pengkarya diharapkan khalayak sastera dapat menghayati dan seterusnya menikmati gurindam-gurindam Mas Adeki yang mempunyai gaya dan imaginasi kepenyairan tersendiri dan berbeza dengan pengkarya-pengkarya yang lain. Sehubungan itu, kajian ini bertujuan untuk memperbanyakkan kajian ilmiah dalam bidang sastera khususnya tentang kata nasihat dan pengajaran dalam genre gurindam.

Kaedah Kajian

Kaedah kajian yang digunakan terbahagi kepada tiga jenis kaedah iaitu kaedah kepustakaan, kaedah analisis kandungan dan aplikasi teori Pengkaedahan Melayu, janaan Hashim Awang. Kaedah ini digunakan untuk mendapatkan bahan dan maklumat yang berkaitan dengan tajuk kajian. Rujukan utama adalah buku, jurnal, majalah ilmiah seperti Dewan Sastera, kertas kerja, penulisan ilmiah dan tesis master serta Ph.D. Maklumat dan bahan-bahan tersebut didapati di Perpustakaan Sultan Abdul Samad Universiti Putra Malaysia, Perpustakaan Tun Sri Lanang, Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Negara Malaysia, Perpustakaan Awam Presint 16 Putrajaya dan Perpustakaan Awam Bandar Baru Bangi, Selangor.

Selain kaedah kepustakaan, kaedah analisis kandungan turut digunakan. Pengkaji akan menganalisis dua antologi gurindam karya Mas Adeki iaitu *Seuntai Kasih Secebis Harapan* (2005) dan *Lautan Kasih Berpantai Sayang* (2009). Penekanan dan tumpuan akan diberikan kepada analisis kandungan mengenai kata nasihat dan pengajaran yang terdapat dalam kedua-dua antologi gurindam tersebut, pengkaji akan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu yang diasaskan oleh Hashim Awang. Teori ini akan diaplikasikan dalam analisis antologi gurindam karya Mas Adeki iaitu *Seuntai kasih Secebis Harapan* (2005), dan *Lautan Kasih Berpantai Sayang* (2009). Perincian tentang teori ini akan dihuraikan dalam bab 3 tesis ini.

Batasan Kajian

Kajian ini hanya memfokuskan kepada analisis antologi gurindam karya Mas Adeki atau nama sebenarnya Mohd Sidek bin Mohd Dollah yang terdiri daripada dua buah antologi gurindam iaitu *Seuntai Kasih Secebis Harapa* (2005). Gurindam tersebut adalah terbitan Akamprint, memuatkan sebanyak 40 buah tajuk. Dan antologi gurindam *Lautan Kasih Berpantai Sayang* (2009) yang diterbitkan oleh DM Dekmai Enterprise sebanyak 37 tajuk. Tegasnya keseluruhan data kajian adalah sebanyak 77 buah gurindam yang ditemui. Namun, hanya 53 tajuk guridam yang dominan akan dibincangkan. Skop kajian adalah tertumpu kepada mengenalpasti kata nasihat dan pengajaran yang terkandung dalam antologi gurindam Mas Adeki disamping menganalisis kata nasihat dan pengajaran dari sudut Pengkaedahan Melayu terhadap gurindam yang dikaji.

Seterusnya pengkaji akan mengaplikasikan teori Pengkaedahan Melayu yang terbahagi kepada dua bahagian iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan. Setiap pengkaedahan tersebut dibahagikan pula kepada beberapa pendekatan. Pengkaedahan Alamiah mengandungi tiga pendekatan iaitu Pendekatan Gunaan, Pendekatan Moral dan Pendekatan Firasat. Pengkaedahan Keagamaan juga menyenaraikan tiga pendekatan iaitu Pendekatan Dakwah, Pendekatan Kemasyarakatan dan Pendekatan Seni. Justeru, pengkaji akan menggunakan kesemua pendekatan tersebut dalam analisis pada bab empat.

Definisi Operasional

Bagi melaksanakan kajian ini, terdapat beberapa perkataan atau istilah yang wajar diberikan definisi terlebih dahulu. Ini kerana untuk memudahkan pemahaman mengenai aspek yang dikaji. Perkataan-perkatannya adalah seperti berikut:

Nasihat

Nasihat menurut *Kamus Dewan Edisi Baru* (1993 : 857) ialah ajaran, petunjuk yang baik, peringatan. Dalam al-Quran terdapat beberapa ayat yang khusus tentang peringatan, nasihat dan saranan melakukan teguran baik dan mencegah kemungkaran. Firman Allah dalam surah Azzariat, ayat 55 yang bermaksud:

“Dan tetaplah memberi peringatan, kerana sesungguhnya peringatan itu manfaat bagi orang-orang yang beriman.”

(Muhammad Hassan Al homsi, 2009 : 523)

Dalam surah al-Asr, ayat 1-3 yang bermaksud:

“ Demi masa, sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian, kecuali orang yang beriman dan melakukan amalan yang soleh serta saling berpesan supaya menjunjung ajaran kitab Allah yang benar dan saling berpesan supaya bersikap sabar.”

(Muhammad Hassan Al homsi, 2009 : 601)

Hal ini selaras dengan pendapat Johari Haji Alias (1997: 134) adalah menjadi kewajiban dan tanggungjawab setiap umat Islam menasihati antara satu sama lain, terutama mengenai perintah-perintah dan larangan Allah S.W.T. Tujuan nasihat menasihati ini adalah baik iaitu untuk mengingatkan diri seseorang supaya jangan melakukan kesilapan atau kesalahan.

Memberi nasihat adalah suatu perkara yang amat penting. Ia merupakan tugas para nabi dan rasul tanda kesempurnaan agama dan menjadi hak seorang muslim terhadap seorang muslim yang lain. Nasihat untuk Allah mengajak beriman kepada-Nya, tidak menyekutukan-Nya, melaksanakan ketaatan kepada-Nya dan menghindari maksiat. Nasihat untuk kitab-Nya ialah beriman dengan kitab-kitab yang diturunkan Allah kepada para rasul terutama kitab terakhir iaitu al-Quran. Firman Allah dalam surah Al-A'raf, ayat 63 yang bermaksud:

“dan apakah kamu tidak percaya dan hairan bahawa datang kepada kamu peringatan dari Tuhanmu dengan perantaraan seorang lelaki dari golonganmu agar dia memberi peringatan kepadamu, dan mudah-mudahan kamu bertakwa dan juga supaya kamu mendapat rahmat.”

(Muhammad Hassan Al homsi, 2009 : 158)

Bagi menguatkan hujah, pengkaji merujuk hadith shahih yang dikumpul oleh Imam an-Nawawi dalam bukunya *Hadith 40*, dan terjemahannya seperti berikut: Dari Abi Ruqayyah Tamim bin Aus al-Dariy r.a. bahawa sesungguhnya Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

“Agama itu nasihat. Kami berkata, untuk siapa? Ia bersabda untuk Allah, kitab-Nya, rasul-Nya dan pemimpin-pemimpin golongan musliman dan orang awam dari kalangan mereka”

(Hadith 40, 2011:40)

Nasihat untuk rasul-Nya ialah mengakui kebenaran rasul-rasul dan beriman dengan ajaran yang dibawa oleh mereka. Nasihat untuk para pemimpin, bekerjasama dan taat kepada mereka dalam perkara kebenaran. Nasihat untuk orang awam, membimbing mereka ke arah kebaikan dunia dan akhirat. Amalan nasihat menasihati perlu diperhebatkan kerana ia merupakan penyempurnaan iman.

Seterusnya, kata nasihat boleh disimpulkan memberi peringatan agar manusia menjadi lebih baik. Setiap manusia mempunyai hak untuk menasihati sesama manusia tidak kira umur, pangkat dan kedudukan, tanpa ingat mengingati antara satu sama lain, maka manusia akan berada dalam kelapaaan dan lalai. Pengkaji melihat perkataan nasihat itu sendiri amat tepat dan relevan dengan amanat atau mesej yang hendak disampaikan oleh pengarang.

Antara kriteria-kriteria tentang kata nasihat antaranya pengkarya kebanyakannya dengan cara menggunakan perkataan, ‘jangan’, ‘tidak’, ‘tak’, ‘jika’. Di sini, perkataan yang tersebut menunjukkan kepada kata larangan, kata suruhan, arahan dan tegahan.

Pengajaran

Pengajaran menurut *Kamus Dewan Edisi Baru* (1993 : 16) ialah perihal mengajar, segala sesuatu yang berkaitan dengan mengajar seperti cara atau sistem mengajar, aspek yang dipentingkan dan lain-lain.

Menyentuh tentang pendidikan, Hasan Langgulung mentakrifkannya sebagai “suatu tindakan yang diambil oleh sesuatu masyarakat, kebudayaan, atau tamadun untuk memelihara kelanjutan hidup” (1981 : 80).

Sementara itu, Sidi Gazalba (1976 : 184) pula menjelaskan bahawa “dalam bahasa Melayu-Indonesia ada dua kata yang pengertiannya kabur, kerana itu pemakaiannya dikacukan oleh masyarakat, iaitu pengajaran dan pendidikan. Sebagai istilah, keduanya harus kita bezakan dan batasi pengertiannya. Pengajaran berakarkan kata ‘ajar’, mendapat awalan ‘pe’ dan akhiran ‘an’. Kata jadian ini bererti memberi ajaran. Ajaran berbentuk pengetahuan. Mengetahui sesuatu adalah mengenal sesuatu itu. Perkenalan membentuk pengertian dalam budi. Dengan adanya pengertian atau pengetahuan tersebut fahamlah kita tentang sesuatu itu.

Seterusnya, kriteria-kriteria tentang pengajaran yang digunakan oleh pengkarya dalam gurindam antaranya penggunaan perkataan yang boleh memberi impak atau kesan terhadap manusia iaitu sesuatu perbuatan atau ungkapan gurindam tersebut menggambarkan kesedaran, penyesalan. Pengajaran tersebut terarah kepada kesedaran, keinsafan dan terarah kepada petunjuk yang baik.

Gurindam

Kamus Dewan (1996 : 420) mentakrifkan gurindam sebagai sejenis puisi yang terdiri daripada dua baris dan berisi dengan pelbagai pengajaran. Usaha untuk mengenal pasti gurindam sebagai sebuah puisi telah dilakukan oleh Za’ba. Beliau menyatakan:

“Perkataan “gurindam” itu daripada bahasa sanskrit menerusi bahasa Tamil. Ertinya biasa difahamkan rangkap yang telah jadi bidalan atau sebutan biasa pada orang ramai, ataupun sesuatu pepatah berangkap yang disebutkan berpadan dengan tempatnya.
(Za’ba, 1962 : 242)

Seterusnya konsep gurindam mengikut Za’ba (1962 : 242) dalam *Ilmu Mengarang Melayu* diberikan beberapa ciri seperti yang berikut:

- a. Bahasanya seperti menyanyi atau sekurang-kurangnya membawa imbas-imbasyanyi, serta menunjukkan ada kesempatan boleh melengah-lengahkan masa dan menyuka-nyukakan hati.
- b. Perkataan banyak menggambarkan keindahan alam dan mengambil perbandingan daripada keindahan itu seolah-olah untuk melukiskan isinya dengan warna yang cantik.
- c. Perasaan di dalamnya kebanyakan perasaan suka dan terkadang perasaan bermain-main dan jenaka. Isinya dan maksudnya terus-menerus sahaja seperti syair, tidak ada apa-apa yang boleh dikatakan pembayang maksud.
- d. Gurindam tua-tua yang telah tetap tersusun semenjak beberapa lama telah jadi seolah-olah bidalan iaitu diketahui dan lancar di mulut orang ramai.

Seterusnya, menurut pandangan Za’ba, gurindam lebih luas cakupannya termasuk di bawahnya selain puisi bidalan dan pepatah berangkap. Lebih jelas lagi beliau memberi lima ciri gurindam iaitu bahasanya berunsur nyanyian, bersifat alamiah, membawa mood gembira, kesemua rangkapnya adalah isi dan ia menjadi bidalan (Za’ba, 1965: 242). Mohd Taib Osman (1975 : 130) pula melihat gurindam sebagaimana yang dilihat oleh Za’ba, tetapi beliau menambah :

“... bentuk gurindam dan seloka itu tidak jauh bezanya dengan ikatan puisi lisan yang digunakan oleh penglipur lara-penglipur lara Melayu dalam persembahan cerita-cerita rakyat.”
(Mohd. Taib Osman, 1975 : 130)

Menurut Za’ba, (1965:243). Gurindam merupakan satu jenis syair melarat yang tiada teratur, berangkap-rangkap dan tiada tetap suku katanya atau rangkapnya, timbangannya atau sajaknya. Bahasanya selalu padat dan bernas, isinya lebih cenderung kepada riang dan sukacita sebagai nyanyian-jenaka, senda-gurau, kelakar dan sindiran giat yang berkasih-kasih serta menggelikan hati. Dengan demikian menunjukkan ada kesempatan melengah-lengahkan masa atau menyuka-nyukakan hati’.

Menurut Umar Junus dalam bukunya *Puisi Lama* (1970 : 20), beliau menganggap bahawa gurindam ialah satu bentuk sajak atau puisi pada kesusasteraan Melayu tradisional yang terdiri daripada dua baris. Puisi ini dikatakan mempunyai banyak persamaan dengan isi pantun, kecuali rima akhirnya yang mempunyai skema a/a. Beliau menganggap gurindam tidak begitu menarik kerana ia hanya merupakan nasihat dan seakan-akan sebuah ayat yang disusun dalam dua baris.

Setrusnya, menurut Alwi Salim pula, dalam bukunya yang berjudul *Puisi Melayu* (1983:46), beliau menjelaskan bahawa perkataan gurindam berasal daripada bahasa Tamil, iaitu *Kirandam* yang bererti *amsal* atau *perumpamaan*. Pelbagai takrifan tentang gurindam baik dari segi bentuk mahupun dari segi isi kandungannya diberikan oleh para sarjana sastera. Pemakaian istilah gurindam sebagai istilah teknik kepada suatu bentuk puisi dimulakan oleh Raja Ali Haji, dengan karyanya, *Gurindam Dua Belas* yang terkarang kira-kira dalam tahun 1846. Takrifan oleh Raja Ali Haji tentang gurindam adalah seperti berikut:

“Adalah beda antara gurindam dengan syair itu,aku nyatakan pula. Bermula erti syair Melayu itu perkataan yang bersajak yang serupa dua berpasangpada akhirnya dan tiada berkehendak pada sempurna perkataan pada satu-satu pasangannya, bersalahan dengan gurindam. Adapun erti gurindam itu perkataan yang bersajak juga pada akhir pasangannya, tetapi sempurna perkataannya dengan satu pasangan sahaja. Jadilah seperti sajak yang pertama itu syarat dan sajak yang kedua itu seperti jawab. Bermula inilah rupanya syair.

Dengar tuan satu rencana Mengarang di dalam gundah Gulana barangkali gurindam kurang kena Tuan betulkanlah dengan sempurna Inilah erti gurindam yang dibawah syair ini Persimpangan yang indah-indah Itulah ilmu yang memberi faedah Aku bertutur akan gurindam yang teratur.”

(Abu Hassan Sham, 1993: 277)

Ringkasnya, menurut Raja Ali Haji, gurindam ialah satu bentuk puisi Melayu yang terdiri daripada dua baris yang berpasangan, bersajak atau beritma dan memberikan idea yang lengkap atau sempurna dalam pasangannya. Dengan keadaan yang demikian, baris pertamanya dapat dianggap sebagai syarat (protasis) dan baris kedua sebagai jawab (apodosis), perlu diterangkan di sini, sebelum penghasilan *Gurindam Dua Belas* oleh Raja Ali Haji, tidak ada pentakrifan yang jitu tentang bentuk gurindam yang bermodelkan *Gurindam Dua Belas* sebagai puisi terikat untuk tujuan membezakannya dengan genre puisi Melayu yang lain. (Harun Mat Piah, 1989: 315)

Begitu juga, menurut Harun Mat Piah (1989 : 321) beliau menjelaskan lagi definisi gurindam berdasarkan bentuknya iaitu, sejenis puisi Melayu lama yang tidak tentu bentuknya sama ada terikat atau tidak. Bentuk yang terikat terdiri daripada dua baris serangkap mengandungi tiga hingga enam patah perkataan dalam sebaris dengan rimanya a,a, biasanya beberapa rangkap gurindam diperlukan untuk melengkapkan satu keseluruhan idea.

Menurut S. Takdir Alisjahbana dengan ringkas melihat gurindam sebagai puisi yang perkembangannya dari kalimat majmuk yang dibahagi menjadi dua baris yang bersajak. Kedua-duanya mempunyai hubungan sebagai induk dan anak kalimat tiada jumlah suku kata dan rima yang tetap. (Alisjahbana, 1971: 77).

Secara umumnya isi gurindam terikat dengan tema pengajaran. Gurindam merupakan puisi yang memberi nasihat, petunjuk, kias dan ibarat sebagai panduan hidup menuju kebaikan. Menurut Mohd Taib Osman (1988: 44), pengajaran yang terkandung dalam *gurindam* bertujuan membimbing manusia mencapai taraf sebagai insan kamil. Hal ini terjadi juga pada sastera Melayu, misalnya bentuk pantun mampu menjadi bentuk puisi Islam, bahkan sebahagian daripadanya diisi dengan nilai-nilai keislaman.

Pengkaedahan Melayu

Menurut Hashim Awang sumber semasa wacana Teori Pengkaedahan Melayu dan Islam pada 20 September 1997 menegaskan bahawa sarjana Melayu sewajarnya membentuk atau membina satu pengkaedahan sastera yang belandaskan alam dan masyarakat Melayu yang melambangkan jati diri bangsa Melayu sebagai wadah dan warisan budaya bangsa. Kedua-dua unsur ini saling berkaitan. Malah unsur tersebut mempengaruhi sebahagian besar dunia kesusasteraan Melayu. Objek-objek alam inilah dijadikan sumber penulisan mereka malah berdasarkan cara dan sikap hidup, kepercayaan, dan kebudayaan masyarakat Melayu yang melahirkan karya sasteranya sendiri. Hashim Awang telah membahagikan teori tersebut kepada dua bahagian iaitu Pengkaedahan Alamiah dan Pengkaedahan Keagamaan yang fungsinya adalah saling berkaitan antara satu sama lain. (Hashim Awang, 1994: 324). Perincian tentang Pengkaedahan Melayu akan dihuraikan dalam bab tiga tesis ini.

BIBLIOGRAFI

- A.Rahim Abdullah. Disember. *Ulasan Terhadap Teori Pengkaedahan Melayu*. Prof Dato' Hashim Awang. *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri* 1999.
- Abd Hadi Awang. *Petunjuk Golongan Muttaqin*. Pulau Pinang : Dewan Muslimat Sdn.Bhd. 1998.
- Abd Razak Othman. "Novel Hidayah: Pengkaedahan Keagamaan". *Ijazah Sarjana Muda Sastera*. Universiti Malaya. 1994.
- Abu Hassan Sham. *Puisi-Puisi Raja Ali Haji*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1993
- Ali Hj. Ahmad. *Pengantar Pengajian Kesusasteraan*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka. 1994.
- Alwi Salim. *Puisi Melayu*. Petaling Jaya : Penerbit Fajar Bakti. 1983.
- Arifin bin Haji Ismail. *Mutiara Kata Dalam Antologi Gurindam Seuntai Kasih Secebis Harapan karya Mas Adeki*. Ijazah Master Sastera. Universiti Putra Malaysia. 2010.
- Chong Ah Fok. *Kajian Novel Terpilih Brunei Darul Salam Dari Perspektif Pengkaedahan Melayu*. Bandar Seri Begawan : Dewan Bahasa dan Pustaka Berunai. 2008.
- Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. *Apa Itu Islam? Menerangkan Islam Secara Mudah dan Lengkap*. Batu Caves, Selangor: PTS Publications. 2008.
- Hafizah Mohd Idris. "Novel Citra: Pengkaedahan Alamiah". *Ijazah Sarjana Muda Sastera*. Universiti Malaya. 1994.
- Haji Mohd Hussein bin Hj. Baharauddin. *Sejarah Kesusasteraan Melayu*. Selangor : Universiti Putra Malaysia. 2002.
- Hamdan Yahya. *Pemikiran Keris Mas Dalam Rimba Harapan : KerangkaPengkaedahan Melayu. Prosiding Seminar Pemikiran Sasterawan Negara. Keris Mas*. Jaafar Abd Rahim, Mohd Amran Daud, Muhd Ikram Fadly (Peny).Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 2005.
- Harun Aminurrashid. *Kajian Puisi Melayu*. Singapura: Pustaka Melayu. 1960.

- Harun Mat Piah. *Puisi Melayu Tradisional Satu Pembicaraan Genre dan Fungsi*. Kuala Lumpur Dewan Bahasa dan Pustaka. 1989.
- Harun Mat Piah. "Gurindam : Lebih Bebas daripada Terikat". Dewan Sastera, Januari:47-50.2002.
- Harun Yahya. *Nilai-Nilai Moral Dalam Al-Quran, The Moral Values Of The Quran* (Penterjemah : Rose Iriyanti Saidin. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publications. 2008.
- Hashim Awang. *Kesusasteraan Melayu Dalam Teori dan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti. 1984.
- Hashim Awang. *Kesusasteraan Melayu Dalam Teori dan Sejarah*. Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti. 1984.
- Hashim Awang. *Cerpen Malaysia Sebelum Perang Dunia Ke-2*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1988.
- Hashim Awang. "Kajian Sastera : Satu Pendekatan Melayu". *Dewan Sastera* Disember : 60- 63.1989
- Hashim Awang. "Melihat Munajat di Perkebunan Menerusi Pengkaedahan Alamiah". *Dewan Sastera* April : 82-83. 1991.
- Hashim Awang. "Suatu Kritikan Daripada Pendekatan Firasat". *Dewan Sastera* Februari:66-68. 1992.
- Hashim Awang. "Menilai Hidayah dan Pendekatan Dakwah. *Dewan Sastera* November : 74-78. 1993.
- Hashim Awang. "Pengkaedahan Melayu Dalam Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air". *Dewan Sastera* Februari : 48-57. 1993.
- Hashim Awang. 1994. *Pengkajian Sastera: Pengkaedahan Melayu. Pengarang Teks dan Khalayak*. Shahlan Mohd Saman (peny). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. "Pengkaedahan Melayu Kajian dan Kritikan Kesusasteraan Tanah Air. *Kertas Kerja Seminar Pasca Anjuran Jabatan Persuratan Melayu, UKM Akademik Seni Melaka dan Berita Harian* : 30-34. 1995.
- Hashim Awang. "Teori dan Kritikan Kesusasteraan Melayu". *Dewan Sastera* Oktober: 7-10. 1998.

- Humaidi Tatapangarsa. *Akhlaq yang Mulia*. Surabaya : PT Bina Ilmu. 1988. Ismail Mat Som. "Genre Puisi Dalam Sastera Klasik: Kajian Penerapan Nilai-nilai Murni". *Tesis Sarjana Satera*. Universiti Pendidikan Sultan Idris. 2004.
- Jelani Harun. "Pengkaedahan Melayu Mencanai Zahir Merungkai Batin". *Kolokium Membina Teori Sastera Sendiri*. Disember : 2-8. 1999.
- Johari Haji Alias. *Nilai-nilai Islam 3: Menunaikan Kewajipan dan Tanggungjawab*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1997.
- Jumali Hj. Selamat. "Cerminan Sosial dan Nilai Murni Dalam Novel-Novel Remaja". *Sarjana Muda Sastera*. Universiti Putra Malaysia. 2001.
- Kamarul Shukri Mohd Teh. *Pengantara Ilmu Tauhid*. Kuala Lumpur : Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd. 2008.
- Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.
- Lutfi Abas. *Kritikan Karya Sastera Sebagai Karya Seni*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1995.
- Mohd Azizan bin Mohd Pawi. "Puisi-Puisi J.M.Aziz, Daripada Perspektif Teori Pengkaedahan Melayu". *Ijazah Master Sastera*. Universiti Putra Malaysia. 2010.
- Mohd Nasir Omar. *Falsafah Etika Perbandingan Pendekatan Islam dan Barat*. Selangor: Universiti Malaya. 1986.
- Mohd Nasir Omar dan Zakaria Stapa..*Akhlaq dan Tasawuf*. Bangi UKM : Pusat Pengajian Berterusan. 1999.
- Mohd Sidek bin Mohd Dollah. *Seuntai Kasih Secebis Harapan*. Kuala Lumpur : Akam Print. 2005.
- Mohd Sidek bin Mohd Dollah. *Lautan Kasih Berpantai Sayang*. Selangor : DM Dekmai Enterprise. 2009.
- Mohd Sulaiman Haji Yasin. *Penghantar Akidah*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1984.
- Mohd Taib Osman. *Warisan Puisi Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1975.
- Muhamad Ali Embi. *Patriotisme dan Kepercayaan Rakyat di Malaysia*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn.Bhd., 2009.

- Muhamad Fadzil bin Yusoff. "Kosmologi Dalam Puisi-Puisi Zurinah Hassan". *Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)*. Universiti Putra Malaysia. 2012.
- Muhamad Ismail Muhamad. *Membentuk Jiwa, Tauhid & Akhlak Mulia Petunjuk Rasulullah*. Selangor : Al-Hidayah Publisher. 2003.
- Muhammad Ghazali. *Takwa Membentuk Akhlak Yang Mulia*. Selangor : Pustaka Ilmi. 1995.
- _____. *Akhlak Seorang Muslim*. Selangor : Thinker's Library. 1997.
- Muhammad Hassan Al Homsy. "Al Quran Tajwid dan Terjemahan". Selangor : Pustaka Alhidayah House Of Quran Sdn.Bhd. 2009.
- Muhammad Hj. Salleh. *Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1997.
- Norita Ariffin. "Nilai Budi Masyarakat Melayu Dalam Pantun". *Ijazah Master Sastera*. Universiti Putra Malaysia. 2006.
- Rahman Shaari. *Lukisan Zaman*. Kuala Lumpur : Marillis Publisher Distributor. 1979.
- Roslina Abd Kadir. "Unsur-Unsur Jihad Dalam Puisi Melayu Moden". *Projek Ilmiah Bacelor Sastera*. Universiti Putra Malaysia. 2008.
- Rosni Yunus. "Pemikiran Islam Dalam Puisi-Puisi Johar Buang Dari Sudut Pengkaedahan Melayu". *Ijazah Master Sastera*. Universiti Putra Malaysia. 2010.
- Samsina Abd Rahman. "Jalan-jalan Menuju Keredaan Allah Daripada Perspektif Ilm Tasawuf dan Pengungkapannya Dalam Puisi Melayu Moden". *Perisa Jurnal Puisi Melayu* : 121- 136. 2004.
- _____. "Pengkaedahan Melayu: Kosep dan Aplikasi Dalam Puisi Melayu. *Jurnal Pangsur*. Januari : 143-176. 2006 .
- _____. "Pengkaedahan Melayu : Konsep Aplikasi Dalam Genre Puisi-Puisi Melayu". *Pangsur – Jurnal Pengkajian dan Penelitian Sastera Asia Tenggara*. Jan - Jun : 143 – 174. 2006.
- _____. "Pemeriksaan Masyarakat Kini Melalui Bahasa Puisi" *Prosiding Seminar Antarabangsa Linguistik dan Pembudayaan Bahasa Melayu Ke 4*. Selangor : Universiti Putra Malaysia & Dewan Bahasa dan Pustaka : 353 – 361. 2008.
- Sayid Sabiq. *Akhlak Islam*. Kuala Lumpur : Pustaka Jiwa Sdn Bhd. 2003.

Shafie Abu Bakar. "Gurindam : Citra Kepenyairan Raja Ali Haji". *Dewan Sastera* Julai : 86- 71.1996.

Shahlan Mohd Saman. *Pengarang Teks dan Khalayak*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1994.

Shahrin Nizam Mohd Nor. "Gurindam Bebas atau Terikat?". *Dewan Sastera*. Julai : 86-91 .2001.

Sidi Gazalba. *Sistematik Filsafat*. Kuala Lumpur : Penerbitan Utusan Melayu. 1974.

Siti Zainon Ismail, *Puisi Kasih Tanah Air*. Dewan Sastera, Jilid.40. Bil.8:31-35. Ogos 2010.

Sutan Takdir Alisjahbana. *Puisi Lama*. Petaling Jaya : Zaman Baru Limited. 1971.

Syaidul Azam bin Kamarudin. "Jati Diri Melayu Dalam Kumpulan Puisi Pilihan Aziz Deraman". *Ijazah Master Sastera*. Universiti Putra Malaysia. 2010.

Syed Othaman Syed Omar. "Teori Pengkaedahan Melayu: Suatu Perbincangan Penerapan". *Bengkel Kajian Teori Sastera Melayu*. Anjuran Bahagian Teori dan Kritikan Sastera. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 28-29 Jun.2002.

Usman Awang, *Guru Oh Guru*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1979

Za'aba..*Pelita Bahasa Melayu III*. London: Mac Millan & Company Lt. 1957.

_____. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 1962.

_____. *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1965

Zahazan Mohamed & Muhammad Zakaria. "Hadis 40 Imam Nawawi". Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn.Bhd. 2011.

Zakaria Stapa. *Akhlak dan Tasawuf Islam*. Kuala Lumpur : Berita Publishing Sdn.Bhd. 1995.

Zalila Sharif & Jamilah Haji Ahmad. *Kesusasteraan Melayu Tradisional*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. 1993.

Zam Ismail. "Perisa Jurnal Puisi Melayu". Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. 2004.

Zubir Idris. "Gurindam Melayu: Satu Analisis Daripada Pendekatan Moral". *Perisa Jurnal Puisi Melayu* : 179-195. 2004 .

Zulkifli Mohd Zain dan Rogayah Abbas, *Bisikan 7*, Persatuan Seniman dan Penulis Kelantan (PUSPA). 2009.

Zurinah Hassan. 2001. "Penggunaan Unsur Alam Sebagai Perlambangan Dalam Puisi Melayu Moden". *Ijazah Master Sastera*. Universiti Putra Malaysia.

_____. "Puisi Melayu Moden: Kajian Teori Pengkaedahan Melayu". *Tesis Ijazah Doktor Falsafah (Ph.D)*. Universiti Malaya. 2008.

_____. *Unsur Alam Dalam Puisi Melayu Moden*. Bangi : Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia. 2010.

